

<p><b>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</b></p> <p>(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “<i>IKHLAS</i> Term Secure Takaful Rider”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)</p>	<p><b>TAKAFUL IKHLAS BERHAD</b></p> <p>(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p> <hr/> <p><b>IKHLAS TERM SECURE TAKAFUL RIDER</b></p> <hr/> <p>Tarikh: 08/10/2018</p>
<p><b>1) Produk apakah ini?</b></p> <p>Pelan sampingan ini memberi perlindungan ke atas kematian dan Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD) kepada Orang yang Dilindungi* sepanjang tempoh Sijil Takaful berkuatkuasa.</p> <p>*Orang Yang Dilindungi merujuk kepada Peserta Takaful dan/atau Pembayar yang menyertai ‘<i>IKHLAS</i> Term Secure Takaful Rider’.</p>	
<p><b>2) Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Tabarru’</b> – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta-peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru’ akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.</li> <li>• <b>Wakalah</b> – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, pihak Syarikat dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat.</li> </ul>	
<p><b>3) Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?</b></p> <p><b>a) Manfaat Kematian</b></p> <p>Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Dilindungi dalam tempoh Sijil Takaful berkuatkuasa, Manfaat Takaful Rider Bertempoh* beserta jumlah terkumpul di dalam PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, akan dibayar sekali-gus kepada Orang Yang Dilindungi, waris atau keluarga terdekat.</p> <p><b>b) Keilatan Kekal Dan Menyeluruh (TPD)</b></p> <p>Sekiranya berlaku TPD ke atas Orang Yang Dilindungi dalam tempoh Sijil Takaful, Amaun Perlindungan Rider Bertempoh* beserta jumlah terkumpul di dalam PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, akan di bayar kepada Orang yang Dilindungi.</p> <p>Perlindungan TPD akan tamat tempoh apabila Orang Yang Dilindungi mencapai umur enam puluh lima (65) tahun pada ulang tahun Sijil Takaful.</p> <p><b>Syarat:</b></p> <p>Definisi TPD adalah berdasarkan "Pekerjaan Sendiri atau Pekerjaan yang Sesuai" dan keilatan telah berlaku sekurang-kurangnya enam (6) bulan, manfaat yang dibayar adalah tertakluk kepada</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Tuntutan TPD disahkan.</li> <li>Sumbangan-sumbangan Takaful tidak tertunggak.</li> </ol>	

### c) Manfaat Sijil Takaful Matang

Jumlah pembayaran sekali-gus di mana jumlah terkumpul di dalam PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, akan dibayar apabila Sijil Takaful mencapai tarikh matang.

### d) Manfaat Serahan Sijil Takaful

Jumlah pembayaran sekali-gus di mana jumlah terkumpul di dalam PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, akan dibayar apabila berlakunya penyerahan Sijil Takaful.

\* Terdapat dua jenis Amaun Perlindungan yang boleh didapati di dalam rider ini:

- i) Amaun Perlindungan Setara – Amaun Perlindungan adalah setara sepanjang tempoh Sijil Takaful.
- ii) Amaun Perlindungan Menyusut Kadar Rata – Amaun Perlindungan menyusut dengan kadar rata mengikut tahun untuk sepanjang tempoh Sijil Takaful.

Jadual di bawah menggambarkan perbezaan Amaun Perlindungan Rider Bertempoh di antara Amaun Perlindungan Setara dan Amaun Perlindungan Menyusut Kadar Rata untuk Tempoh Sijil Takaful 10 tahun dan Amaun Perlindungan RM 100,000.

Tahun	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Amaun Perlindungan Setara	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000
Amaun Perlindungan Menyusut Kadar Rata	100,000	90,000	80,000	70,000	60,000	50,000	40,000	30,000	20,000	10,000

### 4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan, umur, tempoh dan Amaun Perlindungan. Sumbangan Takaful anda adalah seperti berikut:

Jenis Perlindungan	:	Jumlah Perlindungan Setara
Amaun Perlindungan	:	RM10,000.00
Jantina	:	Lelaki
Umur	:	27
Tempoh	:	5
<b>Sumbangan Takaful Tahunan</b>	<b>:</b>	<b>RM19.60</b>

Sumbangan Takaful pembaharuan adalah TIDAK DIJAMIN dan Takaful IKHLAS berhak untuk menyemak kadar Sumbangan Takaful setiap Orang Yang Dilindungi pada ulang tahun Sijil Takaful berikutnya berdasarkan pengalaman tuntutan untuk keseluruhan produk. Takaful IKHLAS akan memberi tiga (3) bulan notis bertulis kepada Peserta Takaful sekiranya berlaku penyemakan semula Sumbangan Takaful atau penarikan-balik portfolio. Sumbangan Takaful boleh diubah sekiranya pengalaman tuntutan semakin meningkat, terdapat perubahan terhadap sebarang manfaat produk dan/ atau profil risiko Orang Yang Dilindungi. Sebab-sebab untuk perubahan ini adalah tidak terhad dan Sumbangan Takaful juga boleh disemak semula di atas alasan-alasan lain yang munasabah.

**5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?**

a) Yuran Wakalah\*

Tahun	Yuran Wakalah	Komisyen
Pertama	34.29% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM6.72	13.78% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM2.70
Kedua	37.81% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM7.41	18.78% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM3.68
Ketiga	28.47% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM5.58	10.20% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM2.00
Keempat	27.76% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM5.44	10.00% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM1.96
Kelima	19.74% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM3.87	2.50% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM0.49
Keenam	0% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM0	0% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM0
Ketujuh dan ke atas	0% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM0	Tiada Komisyen Dibayar

\* Komisyen adalah sebahagian daripada yuran Wakalah.

- b) Caj Tabarru akan ditolak daripada PRIA. Tabarru' akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Peserta Takaful dan/atau Orang Yang Dilindungi. Butiran amaun tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam ilustrasi manfaat.

**6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?**

- a) Pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- b) Tempoh Bertenang – Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan mengembalikan Sijil Takaful tersebut kepada pihak Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful diterima. Sumbangan Takaful yang telah dibayar (selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan – sekiranya ada) akan dikembalikan. Syarikat akan membatalkan Sijil Takaful dengan serta-merta setelah penerimaannya dan ianya akan dianggap tidak berkuatkuasa semenjak dari tarikh dikeluarkan.
- c) Tempoh menunggu - tiga puluh (30) hari dari tarikh berkuatkuasa.
- d) Jumlah terkumpul di dalam PRIA – Pendapatan pelaburan sebenar boleh berubah-ubah mengikut keadaan pasaran. Oleh itu, jumlah terkumpul di dalam PRIA boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang telah dibuat ke dalam PRIA (berkemungkinan menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).
- e) Keuntungan pelaburan daripada PRIA, jika ada, akan dipulangkan kepada Peserta Takaful (melalui PRIA) setelah ditolak Yuran Prestasi Pelaburan sebanyak 30% daripada keuntungan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun pihak Syarikat boleh, mengikut budi bicara mengenakan caj kurang daripada 30% daripada keuntungan pelaburan sebagai Yuran Prestasi Pelaburan.
- f) Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar yang diisytiharkan pada setiap akhir Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.

- g) Adalah penting bagi anda untuk menerima dan menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan-sumbangan Takaful.
- h) Sekiranya anda tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami.
- i) Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak Syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi menfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak Syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah di kemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

## 7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

### **Pengecualian ke atas Manfaat Kematian**

Jika Orang Yang Dilindungi, sama ada waras atau tidak, cuba untuk membunuh diri di dalam tempoh satu (1) tahun bermula pada tarikh Sijil Takaful berkuatkuasa, meninggal dunia disebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarkan secara seksual, tiada manfaat akan dibayar dibawah Sijil Takaful ini.

Syarikat akan memulangkan jumlah terkumpul di dalam PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada.

### **Pengecualian ke atas Manfaat TPD**

Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan melindungi sebarang hilang upaya berpunca secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, daripada salah satu kejadian-kejadian berikut:

- a) Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara;
- b) Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insurreksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat;
- c) Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau kumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan;
- d) Disebabkan oleh atau lanjutan daripada bunuh diri atau cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau di bawah pengaruh alkohol atau narkotik atau dadah atau ketidaksiuman atau disebabkan oleh penyakit kelamin;

- e) Ketidakupayaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri, mengendalikan atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, peluncuran gantung atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan;
- f) Keilatan bermula sebelum penerimaan perlindungan;
- g) Sebarang ketidakpatuhan undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi atau kesalahan yang dicituskan olehnya;
- h) Terlibat dalam sebarang aktiviti dalam air yang menggunakan alat pernafasan tiruan;
- i) Kecederaan yang disebabkan oleh pembelahan nuklear, percantuman nuklear, alat senjata nuklear atau pencemaran radioaktif;
- j) Sindrom Kekurangan Daya Ketahanan Melawan Penyakit (AIDS) dan sebarang keadaan yang berkaitan dengan AIDS;
- k) Bunuh diri atau percubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri sama ada secara sedar atau tidak.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

#### 8) Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?

Menyertai pelan Takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar Sumbangan Takaful dalam tempoh ehsan, Sijil Takaful anda akan luput. Jumlah tunai yang akan dibayar oleh pengendali Takaful apabila anda membatalkan Sijil Takaful sebelum tempoh matang akan lebih rendah daripada jumlah Sumbangan Takaful yang anda telah bayar.

#### 9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.

#### 10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga dan/atau Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada buku panduan *info insurers* mengenai 'Takaful Keluarga'. Anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Takaful Ikhlas Berhad**

Jabatan CRM  
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5  
Bangsar South, No. 8 Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2723 9696  
Faks: +603-2723 9998

Laman sesawang : [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)  
Emel: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati.**

-TIADA-

**NOTA PENTING:**

**PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL TAKAFUL YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.**

*Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 08/10/2018*